

PERANAN BANGSA DALAM KEKUATAN KENEGARAAN

Menurut al Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumuddin, sifat manusia tidak mampu untuk hidup bersendirian kerana manusia diciptakan serba lemah dan tiada berkeupayaan. Manusia juga merupakan makhluk sosial, perlu bergaul antara lelaki dan perempuan, justeru membentuk keluarga. Dari unit-unit keluarga akan lahir ramai keturunan, seterusnya membentuk suku, kaum dan masyarakat.

Maka wujud keperluan untuk saling membantu bagi meneruskan kelangsungan hidup. kerana manusia tidak mampu untuk melakukan secara mandiri, perkara yang banyak dan berat-berat untuk keperluan diri, apatah lagi untuk keperluan keluarga, keturunan, suku kaum dan masyarakat yang ramai dan rumit sekaligus bersifat saling bergantung antara satu sama lain. Ini sunatullah.

Demikian, individu lelaki dan perempuan, unit-unit keluarga, kumpulan-kumpulan suku kaum dan masyarakat yang sentiasa berkembang dan bercambah, dengan pelbagai keperluan, cita-sara dan aneka ragam, yang perlu diurus oleh bentuk-bentuk institusi-institusi serta organisasi-organisasi yang bersistem, kemas, teratur dan berkesan. Gabungan sistem, institusi dan organisasi akan membentuk kuasa, kedaulatan dan negeri, yang mempunyai bentuk perlembagaan, undang-undang dan pentadbiran yang tersusun, serta pemerintah yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan pelbagai kerosakan yang boleh menjejaskan kesejahteraan, keamanan, kestabilan serta keharmonian masyarakat. Muncullah tamadun, budaya dan peradaban manusia, bangsa dan negara, terus berkembang sejajar dengan perkembangan manusia yang membiak melata di bumi Allah ini.

Di sisi yang lain, hikmah penciptaan insan di atas mukabumi ini adalah untuk mengenal dan menyembah Allah swt yang Maha Agung lagi Maha Berkuasa, maka diciptakanNya suku, kabilah, kaum dan bangsa yang dapat berkongsi beban amanah ini sehingga terasa lebih ringan berbanding digalas pada bahu seorang individu manusia semata-mata. Sehingga dapat dihimpunkan kerjasama dan kekuatan secara BERJEMAAH di bawah panji-panji kabilah, kaum atau bangsa dengan kepimpinan ketua serta pembimbing, yakni gandingan umara dan ulama untuk maksud berikut:

- i. **Meramaikan** para penegak dan pendokong agama Allah (individu)
- ii. **Menyebar luaskan** agama ke seluruh dunia (suku/kaum)
- iii. **Meringankan beban** dalam melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah dan khulafa' Rasulullah, khususnya dalam hal membangun ketamadunan dan peradaban Islam di dunia (bangsa)

Maka jadilah UMMAH dari pelbagai kabilah, kaum dan bangsa yang dipimpin oleh umara dan ulama, untuk mendokong ajaran Nabi & Rasul, sekaligus membentengi dari tipudaya iblis syaitan & konco-konco mereka. Yakni dari asal diri yang satu, diberikan pasangan, sehingga akhirnya menerbitkan kabilah/kaum/suku. Dari satu kabilah/kaum/suku, menerbitkan banyak jujuk-jujuk suku sehingga apabila suku-suku ini bergabung, maka lahir bangsa yang lazimnya bukan sahaja berkongsi bahasa, budaya dan agama, malahan menghimpun kekuatan, sumber, kreativiti, daya dan wibawa di bawah organisasi

yang teratur dan bersistem, yaitu bentuk kesatuan dan perpaduan bangsa yang berkerajaan seperti institusi Khulafa' Rasulullāh dalam wajah dinasti beraja dan bersultan,

Pemerintah daulah-daulah Islamiyyah yang menggalas tugas sebagai pengganti Rasulullah saw (khulafa' Rasulullāh) dalam menyempurnakan hal ehwal agama dan keduniaan sekaligus membentenginya dari anasir-anasir jahat yang berpotensi memudaratkan misi ini, merupakan amanah besar dan berat yang tidak mampu digalas atas bahu seseorang individu, maka diperlukan para pendokong dalam menghimpunkan kerjasama, sumber, upaya serta kekuatan untuk membangunkan ketamadunan dan peradaban Islam dengan gabungan elemen-elemen kekuatan seperti berikut:

- i. Kekuatan Kedaulatan dan Kekuasaan
- ii. Kekuatan Sistem Perundangan & Penguatkuasaan
- iii. Kekuatan Sistem Pendidikan Fardhu 'Ain & Fardhu Kifayah
- iv. Kekuatan Sistem Ekonomi Islam
- v. Kekuatan Sistem Pertahanan & Keselamatan (Polis & Ketenteraan)
- vi. Kekuatan Adat & Budaya berpasak Tauhid & Tasawuf (Jatidiri)

Contoh yang baik adalah sejarah perkembangan dakwah Rasulullah saw sendiri di kota Mekah, menyaksikan dinamika awal peranan keluarga sebagai kekuatan teras yang mendokong kerja agama baginda, selanjutnya kekuatan dokongan kabilah baginda, yaitu Bani Hasyim yang sanggup melindungi dan mempertahankannya sehingga rela diboikot oleh kaum musyrikin Mekah selama tiga tahun. Selanjutnya peringkat demi peringkat bertambah kekuatan jemaah dalam amanah mendokong dan memperkukuhkan agama Allah yang digalas baginda, khususnya di Madinah, antaranya dengan mempersaudarakan kaum 'Aus dan Khazraj yang dahulunya sering bertelagah, menjadi golongan Ansar yakni pembantu Rasulullah saw yang teraula.

Dengan gabungan persaudaraan kabilah-kabilah di Madinah, maka Rasulullah saw mendapat banyak sumber kekuatan untuk mendirikan pemerintahan Islam, membentuk piagam Madinah, menegakkan syiar-syiar Islam, menghantar utusan-utusan dakwah ke pelbagai tempat dan kerajaan, memperkukuhkan ekonomi Islam, malah mampu berperanan sebagai kubu dan pembentengan umat Islam yang ampuh di saat-saat peperangan dengan kaum musyrikin Mekah.

Peristiwa Haji Wida' yang menghimpunkan sekitar 124,000 para sahabat Rasulullah saw di bawah panji-panji kabilah atau kaum masing-masing, juga merupakan '*show of force*' bagi kabilah Quraish sebagai bangsa yang paling dominan dan berwibawa ketika itu sehingga dipilih oleh Allah swt untuk meneruskan tugas baginda sebagai peneraju dalam menggerakkan usaha dakwah dan syiar Islam ke merata pelosok mukabumi ini.

Rasulullah saw pernah bersabda:

*“Sesungguhnya Allah Taala telah mencipta makhluk, lalu Allah menjadikan aku paling terbaik dari kalangan mereka (makhluk Allah) dan zaman yang terbaik. **Kemudian Allah Taala juga memilih kabilah-kabilah dan menjadikan aku dari kabilah yang terbaik.** Kemudian Allah Taala memilih rumah tangga, lalu menjadikan aku dari rumah tangga yang terbaik. Sesungguhnya aku adalah paling terbaik dari sudut jiwa dan rumah tangga (berbanding orang lain)”.*
(HR Imam Ahmad dan Imam Tirmizi)